

**PERTANDINGAN TIKTOK KBS ANJURAN KEMENTERIAN BELIA  
DAN SUKAN SERTA DIKENDALIKAN OLEH INSTITUT  
PEMBANGUNAN DAN KECEMERLANGAN KEPIMPINAN (i-LEAD)  
BERSAMA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, KBS**

---

### **1. MAKLUMAT PERTANDINGAN**

- 1.1 Pertandingan ini merupakan inisiatif baharu Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- 1.2 Pertandingan dibuka dari 1 Januari 2023 hingga 31 Januari 2023.
- 1.3 Tema bagi video mestilah memaparkan unsur-unsur **Perpaduan** dan keutamaan adalah menggunakan **Bahasa Kebangsaan** manakala pelbagai bahasa melibatkan kaum di Malaysia adalah dibenarkan.

### **2. KELAYAKAN PERTANDINGAN**

- 2.1 Pertandingan terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 15 – 30 tahun.

### **3. TERMA DAN SYARAT PENYERTAAN**

- 3.1 Penyertaan hendaklah dihantar selewat-lewatnya pada 31 Januari 2023.
- 3.2 Setiap peserta boleh menghantar lebih dari satu (1) video, tetapi hanya layak memenangi satu (1) hadiah sahaja.
- 3.3 Penyertaan bagi setiap video hendaklah berdurasi tidak melebihi 1 minit.
- 3.4 Video yang dikemukakan bagi tujuan pertandingan ini mestilah karya asli dan kreatif yang diambil sendiri oleh peserta.

- 
- 3.5 Video yang dimuat naik tidak boleh mengandungi sebarang elemen atau unsur-unsur negatif dan/atau menyalahi undang-undang.
  - 3.6 Peserta perlu memastikan akaun TikTok adalah aktif dan dalam **tetapan umum**.
  - 3.7 Pemenang akan dinilai berdasarkan video yang paling kreatif dan mempunyai “*Like*” yang paling banyak serta mengikut kriteria (tema, kreativiti, kualiti dan keaslian, teknik persembahan dan kebolehtularan) penganjur.
  - 3.8 Pemenang akan dimaklumkan melalui ‘inbox’ serta diumumkan di Portal KBS dan i-LEAD.
  - 3.9 Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD**.
  - 3.10 Dengan menyertai pertandingan ini, peserta adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat pertandingan ini.

#### 4. LANGKAH-LANGKAH PENYERTAAN

Langkah-langkah penyertaan pertandingan ini adalah seperti yang berikut:

- 4.1 Peserta perlu ‘*Follow*’, ‘*Like*’ dan ‘*Share*’ akaun TikTok **i-LEAD** di @ileadkbsmsia (Laman Rasmi);
- 4.2 Peserta hendaklah mendaftar di borang penyertaan seperti di *link google form* yang disediakan;  
[https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSfT4GsjSHp6zL5x5ciq-CFIg4bP3Uxuvz3t7BqMcpHmsdapoQ/viewform?usp=share\\_link](https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSfT4GsjSHp6zL5x5ciq-CFIg4bP3Uxuvz3t7BqMcpHmsdapoQ/viewform?usp=share_link)

- 
- 4.3 Peserta hendaklah muatnaik video TikTok berserta dengan hashtag (tanda pagar) seperti berikut:

**#ileadkbs #DemiMalaysia**

## **5. HAK MILIK DAN PENGGUNAAN**

- 5.1 Kesemua video yang dipertandingkan akan menjadi hak milik penganjur.
- 5.2 Penyertaan secara automatik mengesahkan persetujuan peserta untuk memberikan hak milik/hak cipta video kepada penganjur untuk menyunting, menerbit dan menyiarkan semula video penyertaan di dalam apa jua bentuk media atau medium sama ada tempatan atau antarabangsa tanpa sebarang notis atau pembayaran royalti kepada peserta.

## **6. PENAFIAN**

- 6.1 Penganjur tidak bertanggungjawab dalam apa jua keadaan sekiranya peserta didapati melakukan kesalahan plagiat atau melanggar hak cipta mana-mana pihak ketiga.
- 6.2 Penganjur tidak akan bertanggungjawab kepada sebarang tindakan undang-undang oleh pihak ketiga terhadap mana-mana peserta berhubung dengan video yang dipertandingkan atau apa-apa perkara yang bersangkutan dengannya.
- 6.3 Pihak penganjur tidak bertanggungjawab untuk menanggung sebarang kos ataupun kerugian yang ditanggung oleh peserta sepanjang pertandingan berlangsung.